Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 10/11/2019
M/SURAT : 13

Lebih 400,000 isi rumah terima manfaat Food Bank Malaysia

MUEZ

KUALA LUMPUR - Sebanyak 418,000 isi rumah di seluruh Malaysia daripada kumpulan berpendapatan rendah (B40) menerima manfaat menerusi program Food Bank Malaysia sehingga bulan lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz berkata, daripada jumlah itu, seramai 6,470 orang adalah penuntut universiti menerusi program Food Bank Siswa.

"Kita sedang berusaha mendapatkan lebih banyak penyumbang bagi memastikan bekalan makanan yang diterima sentiasa ada," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Food Bank, anjuran syarikat jualan terus, Destina1 International di sini semalam.

Menurutnya, dalam tempoh itu juga sebanyak 1,893 tan metrik makanan berjaya diselamatkan daripada pembaziran.

Program Food Bank Malaysia dilancarkan secara rasmi pada 22 Disember 2018 yang bertujuan menyalurkan makanan kepada golongan yang memerlukan dan mengelak pembaziran makanan.

Program tersebut diterajui oleh KPDNHEP dan mendapat kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Mutiara Food Bank, Kechara Soup Kitchen dan Food Aid Foundation.

- Bernama